

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 20 TAHUN 1975¹

**PENYUSUNAN SEMULA TANGGAGAJI BAGI JAWATAN-
JAWATAN OPERETER TALIPON, JURUTAIP TALI-
PRINTER DAN PENGHANTAR TALIGERAM**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan penyusunan semula jawatan-jawatan dan tanggagaji bagi Opereter Talipon, Jurutaip Taliprinter dan Penghantar Taligeram seperti berikut:

Jawatan	Tanggagaji sekarang	Tanggagaji Baru
Opereter Talipon ...	\$160 × 10-180/Sekatan Percubaan/190 × 10-200 × 15-380	\$160 × 10-180/Sekatan Percubaan/190 × 10-200 × 15-380/Sekatan Kecekapan/400 × 25-500
Penyelia ...	Tingkatan II: \$425 × 25-525	} Penyelia—\$475 × 25-550
	Tingkatan I: \$475 × 25-550	
	Tingkatan Khas: \$600	Tidak berubah
	Tingkatan Tertinggi: \$675	Tidak berubah
Jurutaip Taliprinter ...	Tingkatan III: \$170/Sekatan Peperiksaan Pertama/ 180 × 10-200	} Jurutaliprinter: \$170/Sekatan Peperiksaan Pertama/ 180 × 10-200/ Sekatan Peperiksaan Kedua/215 × 15-275/Sekatan Kecekapan/300 × 25-400 × 25-500
	Tingkatan II: \$215 × 15-275/ Sekatan Peperiksaan Kedua	
	Tingkatan I: \$300 × 25-400/ Sekatan Kecekapan	
Penyelia ...	\$425 × 25-500	
Penyelia ...	Tingkatan Khas: \$625	Penyelia—\$625
Penghantar Taligeram ...	\$115 × 5-160	\$115 × 5-160/180 × 10-230
Ketua Penghantar Taligeram	\$180 × 10-200/215 × 15-290	\$215 × 15-290 (sebagai Penghantar Taligeram Kanan)

Tarikh Kuatkuasa

2. Tarikh kuatkuasa ialah mulai daripada 1hb Januari, 1975.

Sifir Pemindahan

3. Sifir Pemindahan Gaji adalah seperti di Lampiran "A", "A1", "B", "B1", "B2", "B3", "C" dan "C1".

Tarikh Kenaikan Gaji

4. Tarikh kenaikan gaji adalah tidak berubah kecuali dalam keadaan di mana dua atau lebih matagaji atas tanggagaji sekarang berpindah ke satu matagaji atas tanggagaji baru. Rumusan perubahan ini adalah seperti di Lampiran "D" dan "D1".
5. Keputusan ini dibuat adalah dengan persetujuan pihak Majlis Gaji dan Syarat-syarat perkhidmatan dengan pihak Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Talikom.

DATUK ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA.
BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR.
28hb Ogos, 1975.

CATATAN:

- ¹ Dibatalkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977 mulai 31hb Mac, 1977.